



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MAJLIS APRESIASI SEMPENA PAMERAN RAHSIA KEBAYA ERAT JALINAN KERJASAMA ANTARA JMM DAN RAKAN STRATEGIK

Kuala Lumpur, 19 Disember 2023 – Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis mencemar duli menghadiri Majlis Apresiasi sempena Pameran Rahsia Kebaya yang diadakan di Muzium Tekstil Negara, hari ini. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Azman Mohd. Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara.

Majlis ini diadakan sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada rakan kerjasama Pameran Rahsia Kebaya yang terdiri daripada pelbagai pihak, sama ada dari Istana Negeri, Agensi Persekutuan, Agensi Negeri, badan bukan kerajaan (NGO), muzium persendirian, syarikat korporat dan persendirian serta orang perseorangan. Kerjasama ini bukan sahaja melalui perkongsian maklumat, buah fikiran dan kerja-kerja penyelidikan pameran, malah peminjaman bagi koleksi-koleksi baju kebaya yang dipamerkan.

Pameran Rahsia Kebaya yang telah diadakan dengan jayanya pada 25 Oktober lalu secara eksklusif memperagakan sebanyak 60 koleksi baju kebaya yang sebahagian besarnya milik Jabatan Muzium Malaysia dan rakan-rakan kerjasama pameran ini. Antara rakan sinergi yang turut sama merealisasikan pameran ini antaranya ialah Pejabat DYMM Sultan Selangor, Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis, Lembaga Muzium Negeri Perak, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Arkib Negara Malaysia, Malaysia (MAS) Airlines, Couture Classics (M) Sdn. Bhd., Puan Zubaidah Sual, Encik Tan Chai Cheng dan Puan Marina Linda Danker. Turut diperagakan dalam pameran ini adalah koleksi peribadi kebaya Selangor milik DYMM Tengku Permaisuri Selangor, kebaya Perlis koleksi peribadi DYMM Tuanku Raja Puan Muda Perlis, kebaya

labuh milik DYMM Almarhum Tuanku Ampuan Najihah, YMM Tengku Anis dan Che Menjelara.

Majlis ini juga bertujuan untuk menggalakkan interaksi dan memberi penghargaan kepada mereka yang bekerjasama dengan JMM, terutamanya dalam memperkuatkan jaringan. Selain itu, ia turut membantu dalam pembangunan dan peningkatan dasar, peranan, fungsi, misi, dan visi JMM, khususnya untuk jangka panjang.

Penganjuran majlis ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama strategik dalam usaha mengangkat, memelihara dan memulihara warisan tekstil di Malaysia secara amnya serta berharap agar menjadi pemungkin kepada peluang kerjasama pada masa akan datang untuk membentuk suatu hubungan yang signifikan bagi faedah jangka panjang kepada Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Muzium Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Disember 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia(JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my
No. rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 ()